

BENKEL HIRARC

DISEDIAKAN OLEH: NOR AIMI ABDUL WAHAB & SUHAIZA HASAN

Bengkel Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) telah diadakan pada 1 Disember 2020 secara maya melalui platform google meet. Bengkel anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Negeri (JKKPN) UiTM Cawangan Pulau Pinang ini telah dihadiri oleh staf yang terlibat dengan pengurusan makmal dari Fakulti Farmasi, Fakulti Sains Kesihatan dan Jabatan Sains Gunaan. 4 orang staf Jabatan Sains Gunaan terlibat dengan bengkel kali ini. Bengkel HIRARC ini telah dikendalikan oleh Ts Mohd Rafe Abdul Majid dari Fakulti Kejuruteraan Awam.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman staf makmal berkenaan pengenalan hazard, penaksiran risiko dan kawalan risiko yang perlu diambil di makmal. Bengkel ini juga bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan hazard dan kawalan risiko di makmal UiTM Cawangan Pulau Pinang. Fokus utama bengkel kali ini adalah penyediaan dokumen HIRARC untuk setiap makmal. Beberapa topik penting telah dibincangkan pada bengkel kali ini antaranya pengenalan kepada HIRARC, pengenalan hazard dan kawalan risiko. Taklimat berkenaan kaedah penyediaan dokumen HIRARC turut disampaikan pada sesi ini.

Pada sesi petang, semua peserta perlu menyediakan dan melengkapkan borang HIRARC bagi setiap proses dan aktiviti di dalam makmal terutamanya bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Borang HIRARC ini disediakan untuk setiap aktiviti berpandukan kepada Standard Operating Procedure (SOP) dan manual makmal. Langkah kawalan yang telah diambil dinilai dan langkah kawalan baru dicadangkan sekiranya perlu. Di akhir sesi, semua borang dan dokumen HIRARC yang telah dilengkap dihantar kepada JKKPN UiTM Cawangan Pulau Pinang dan pihak pengurusan makmal fakulti untuk rekod dan tindakan segera.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Bengkel ini telah membantu staf yang terlibat meningkatkan pengetahuan dalam mengenalpasti hazard,

menilai dan mengukur risiko dan mengawal punca keadaan yang mendatangkan bahaya melalui kaedah kawalan risiko yang terbaik. Peserta juga dapat meningkatkan kemahiran dalam menyediakan dokumen HIRARC dan secara tidak langsung meningkatkan aspek keselamatan di makmal.



Agenda:

- 9.00 am - 11.00 am: Pengenalan HIRARC (secara dalam talian)
- 11.00 am - 12.00 pm: Pengenalan kepada b (Secara dalam talian)
- 1.00 pm - 2.00 pm: Rehat
- 2.00 pm - 4.00 pm: Melengkapkan borang
- 4.00pm - 5.00 pm: Menghantar borang HIRARC lengkap kepada JKKPN
- 5.00 pm: Program selesai

Penceramah:
Ts Mohd Rafe Abdul Majid
Pensyarah Kanan
Fakulti Kejuruteraan Awam
UiTM Cawangan Pulau Pinang

JKKPN TRAINING

HIRARC
HAZARD IDENTIFICATION
RISK ASSESSMENT
RISK CONTROL

JSG, FKK, FF & FSK
1 DISEMBER 2020
Google Meet (meet.google.com/brh-cesm-hrq)
9.00 am - 5.00 pm

Anjuran:
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM Negeri (JKKPN)

BENGGKEL HIRARC
1 DISEMBER 2020

Sp Adobe Spark